

## BAB II

### PENGENALAN TAFSIR AL-MISHBĀḤ

#### 2.1 Pendahuluan

Penulisan kitab tafsir di Nusantara bermula pada pertengahan abad ke XVII M. Usaha ini pertama kali dirintis oleh ‘Abd al-Ra’ūf al-Sinkīlī (1615-1695 M) dengan karyanya *Tarjumān al-Mustafīd*.<sup>1</sup> Sebagai kesinambungan kepada penulisan ‘Abd al-Ra’ūf al-Sinkīlī di Indonesia lahir pula tafsir *Nūr al-Iḥsān* di Malaysia yang dikarang oleh Tuan Haji Muḥammad Sa’id bin Umar (1854-1932 M)<sup>2</sup>.

Usaha penulisan tafsir di Nusantara diteruskan lagi oleh ulama tiga sekawan dari Medan, Sumatera Utara, Indonesia iaitu H. A. Halim Hasan, H. Zainal Arifin Abbas dan Abdul Rahim Haitami. Kitab tafsir yang mereka hasilkan diberi nama “*Kitab Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm*”<sup>3</sup>. Tafsir ini diterbitkan pertama kali pada bulan Februari 1937 (Edisi Indonesia) dan 1969 (Edisi Malaysia).

Selain daripada tafsir yang telah disebutkan di atas Muncul *Tafsīr al-‘Abr al-Athīr* karya Aḥmad Sonhaji Mohamad di Singapura, *Tafsir Harian al-Qur’ān al-Karīm* oleh ‘Abdullah ‘Abbas Nasution (1912-1987 M), *Tafsir al-Nūr* oleh

---

<sup>1</sup> Muhammad Nur Lubis (2002), *Data-Data Terbitan Awal Penterjemahan dan Pentafsiran al-Qur’an Di Alam Melayu*, Kuala Lumpur : al-Hidayah Publishers. h. 9. Lihat juga : Mazlan Ibrahim (2006), *Tafsir al-Qur’an di Nusantara : Kajian Terhadap Tafsir Harian al-Qur’an al-Karim Karya Haji ‘Abdullah ‘Abbas Nasution*, Tesis Ph. D, Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Uiversiti Malaya, h. 7.

<sup>2</sup> Kitab ini merupakan kitab tafsir terlengkap pertama dalam bahasa melayu. Ditulis oleh ‘Abd al-Ra’ūf al-Sinkīlī setelah beliau pulang ke Aceh dari negeri Arab sekitar tahun 1675 M. Dicitak pertama kali di Istanbul, Turki pada tahun 1884 M bersamaan dengan tahun 1302 H. Penerbitan pertamanya di Istanbul merupakan hasil perjuangan pentashihnya iaitu Syeikh Ahmad al-Fathani. Lihat : W. Mohd. Shaghir Abdullah (1991), *Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara*, Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, c. 1, j. 1, h. 157. Syahrizal ‘Abbas (2008), *Corak Pemikiran Hukum Islam Syekh ‘Abd al-Ra’ūf al-Sinkīlī*, Banda Aceh : Yayasan Pena, c. 2, h. 24. Peter G. Riddell (2003), *Islam and the Malay-Indonesian World : Transmission and Responses*, (t.p), h. 161. Muhammad Nur Lubis (2002), *Op. Cit.*, h. 9

<sup>3</sup> *Ibid*, h. 11

Muhammad Ḥasbī al-Ṣiddīqī, *Tafsir al-Azhar* karya Prof. Dr. Hamka (1908-1981 M)<sup>4</sup>.

Kemudian dalam masa tiga puluh tahun setelah penerbitan *Tafsir al-Azhar* pada tahun 1966 maka lahir *Tasir al-Mishbāh* pada tahun 1999 yang mentafsirkan al-Qur'an lengkap 30 juzuk sebanyak lima belas jilid. Kitab tafsir ini memiliki keistimewaan tersendiri iaitu mengemukakan keserasian dan kesesuaian antara ayat dengan ayat atau antara surah dengan surah dalam al-Qur'an dikarang oleh Prof. Dr. H. Muhammad Quraish Shihab.

## 2.2 Biografi Pengarang

*Tafsir al-Mishbāh* adalah sebuah tafsir yang mentafsirkan al-Qur'an lengkap tiga puluh juzuk sebanyak lima belas jilid dikarang oleh M.Q. Shihab. Seorang cendekiawan muslim Indonesia yang dilahirkan pada 16 Februari tahun 1944 di Rappang, Sulawesi Selatan, Indonesia. M.Q. Shihab terlahir daripada keluarga keturunan Arab yang berpendidikan dan cinta ilmu pengetahuan<sup>5</sup>.

Ayah beliau yang bernama Abdurrahman Shihab (1905-1986) adalah lulusan *Jami'at al-Khair* Jakarta, sebuah institusi pendidikan Islam tertua di Indonesia yang lebih mengutamakan gagasan-gagasan pembaharuan pemikiran Islam<sup>6</sup>.

Abdurrahman Shihab merupakan seorang tokoh pendidikan yang terkenal baik formal mahupun informal. Secara formal, selain menjadi guru besar yang ahli dalam bidang tafsir, beliau juga banyak terlibat dalam mengurus proses pengembangan

---

<sup>4</sup> Mazlan Ibrahim (2006), *Op. Cit.*, h. 7

<sup>5</sup> Muhammad Quraish Shihab (2006), *Menabur Pesan Ilahi*, Jakarta : Lentera Hati, c. 2, pada bahagian cover. Muhammad Quraish Shihab (1992), *Membumikan al-Qur'an Fungsi dan Peran Wahyu Dalam Kehidupan Masyarakat*, Bandung : Mizan, c. 1, h. ii. Muhammad Quraish Shihab (2007), *Logika Agama : Kedudukan Wahyu dan Batas-Batas Akal Dalam Islam*, Jakarta : Lentera Hati, c. 4, pada bahagian cover.

<sup>6</sup> Islah Gusmian (2002), *Khazanah Tafsir Indonesia*, Jakarta : Penerbit Teraju, h. 80. Lihat juga : Azyumardi Azra (1999), *Islam Reformis : Dinamika Intelektual dan Gerakan*, Jakarta : PT Gravindo Persada, c. 1, h. 37

pendidikan. Beliau pernah menjawat sebagai rektor (canselor) di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Alauddin, Ujung Pandang, Provinsi Sulawesi Selatan, Indonesia pada tahun 1972-1977. Ia juga salah seorang pengasas Universiti Muslim Indonesia (UMI) sebuah perguruan tinggi awam terbesar di kawasan Indonesia bagian timur<sup>7</sup>.

Secara informal, Abdurrahman Shihab seringkali berdakwah, menyampaikan kajian keislaman di masjid-masjid. Beliau banyak mendorong kemajuan pendidikan Islam di Sulawesi Selatan. Selain menyumbangkan buku-buku keislaman, beliau juga suka memberi bantuan dalam bentuk kewangan kepada lembaga-lembaga pendidikan Islam<sup>8</sup>.

Kecintaan Abdurrahman Shihab terhadap ilmu dan sebagai seorang ahli tafsir, diikuti anaknya M.Q. Shihab. Kecintaan dan minat beliau terhadap ilmu al-Qur'an kerana mendapatkan motivasi dari ayahnya yang selalu mengajak anak-anaknya duduk untuk belajar bersama. Pada saat seperti inilah M.Q. Shihab mendapatkan ilmu keagamaan daripada ayahnya. Dalam sebuah pernyataan Quraish Shihab mengatakan bahawa banyak dari nasihat itu masih terdengar di telinga beliau<sup>9</sup>.

Selain terpengaruh daripada keilmuan ayahnya, kejayaan M.Q. Shihab dalam ilmu pengetahuan dan pendidikan juga datang dari pihak ibunya bernama Asma Aburisah (1912-1984 M). Beliau adalah seorang ibu yang sangat menitik beratkan soal Agama dan sentiasa memberikan nasihat dan motivasi kepada anak-anaknya agar belajar dengan rajin. Suasana ini memberikan kesan yang sangat mendalam kepada pembentukan peribadi M.Q. Shihab.

Setelah M.Q. Shihab menyelesaikan pendidikan dasar (Sekolah Rakyat) di Ujung Pandang, beliau melanjutkan pendidikan menengahnya di Malang, Jawa

---

<sup>7</sup> Muhammad Najib Abd al-Kadir, Mazlan Ibrahim, M. Quraish Shihab dan Sumbangannya Dalam Tafsir Melayu Nusantara, Dalam : Fauzi Deraman et.al (ed), *Seminar Warisan al-Qur'an dan al-Hadith Nusantara* (2008), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 8

<sup>8</sup> Madrasah : Jurnal Komunikasi Dunia Perguruan, Vol. 5, no. 1, 2001, h. 26

<sup>9</sup> Muhammad Quraish Shihab (1992), *Op. Cit*, h. 14

Timur sekaligus mendalami ilmu Agama di Pondok Pesantren *Dār al-Ḥadīth al-Faqīhiyyah*. Pondok ini merupakan satu-satunya sekolah pondok yang pernah dimasukinya<sup>10</sup>. Menurut pengakuan beliau, di pondok ini beliau menemukan seorang guru yang sangat dikaguminya bernama Ḥabīb ‘Abd al-Qādir bin Aḥmad bin Faqīh (w. 1962 M)<sup>11</sup>.

Kemudian pada tahun 1958 ketika berusia empat belas tahun, M.Q. Shihab pergi ke Mesir untuk melanjutkan pendidikannya di Universiti al-Azhar, beliau melanjutkan pendidikan ke Universiti Islam terbesar ini, atas bantuan daripada Departemen Agama Republik Indonesia yang pada saat itu memberikan biasiswa kepada beberapa pelajar dari setiap negeri di Indonesia. M.Q. Shihab terpilih setelah mengikuti seleksi mewakili Provinsi Sulawesi Selatan<sup>12</sup>.

### **2.3 Latar Belakang Penulisan *Tafsir al-Mishbāḥ***

M.Q. Shihab mula menulis *Tafsīr al-Mishbāḥ* pada 18 Jun 1999 bersamaan dengan Jum’at, 4 Rabiulawwal tahun 1420 H di Kaherah, Mesir. Pada saat itu beliau sedang menjawat sebagai Duta Besar Negara Republik Indonesia untuk Mesir<sup>13</sup>.

Sebelum penulisan *Tafsīr al-Mishbāḥ*, M.Q. Shihab telah pun menulis kitab tafsir yang bertajuk “*Tafsīr al-Qur’ān al-Karīm, Tafsir Surat-surat Pendek Berdasarkan Urutan Turunnya Wahyu*”. Tafsir ini menghuraikan sebanyak 24 surah dalam al-Qur’an yang diawali dengan *Sūrah al-Fātiḥah* sebagai induk al-Qur’an

---

<sup>10</sup> Muhammad Quraish Shihab (1995), *Op. Cit.*, h. 431-432

<sup>11</sup> Beliau dilahirkan di Taḥrīm Ḥadramaut, Yaman pada 15 Ṣafar tahun 1316 H dan wafat pada 21 Jumadil Akhir 1382 H bersamaan dengan 19 November 1962. Menurut Quraish Shihab beliau adalah seorang ulama besar yang sangat luas wawasannya dan selalu menanamkan pada santrinya sifat rendah hati, toleransi, dan cinta kepada Ahlu Bait. Keluasan wawasan, menjadikan beliau tidak panatik (*ta’aṣṣub*) kepada satu pendapat. Lihat : Muhammad Quraish Shihab (2007), *Sunnah Syiah Bergandengan Tangan! Mungkinkah?*, Jakarta : Lentera Hati, c. 2, h. 3

<sup>12</sup> Muhammad Quraish Shihab (1995), *Op. Cit.*, h. 431-432. Lihat juga : Miftahuddin bin Kamil (2008), *Op. Cit.*, h. 28.

<sup>13</sup> Muhammad Quraish Shihab (2005), *Tafsīr al-Mishbāḥ*, Jakarta : Lentera Hati, c. 5, j. 1, h. xiii. Lihat juga : Islah Gusmian (2002), *Op. Cit.*, h. 98

(*Umm al-Qur'ān*) dan perbahasan terakhir adalah *Sūrah al-Ṭāriq*, disusun sesuai dengan urutan penurunannya<sup>14</sup>.

M.Q. Shihab menyatakan bahwa mentafsirkan al-Qur'an berdasarkan penurunannya diharapkan para pembaca dapat mengetahui urutan petunjuk Ilahi yang dianugerahkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan umatnya. Namun, pentafsiran al-Qur'an seperti ini tidak diminati oleh para pembaca sehingga upaya penulisannya tidak dilanjutkan oleh beliau<sup>15</sup>. Kemudian muncullah *Tafsīr al-Mishbāḥ* menghuraikan al-Qur'an secara lebih mendalam berbanding dengan tafsir sebelumnya yang ciri utamanya ialah mengemukakan keserasian hubungan antara ayat dengan ayat ataupun surah dalam al-Qur'an (*Munāsabah Bayn al-Āyāt Wa al-Suwar*).

Penamaan tafsir ini dengan *al-Mishbāḥ* diambil daripada firman Allah s.w.t dalam al-Qur'an *Sūrah al-Nūr* ayat yang ke-35 :

اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ مِثْلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ط  
الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ ۚ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ ط  
مُبْرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ ج  
نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ ۚ مَنْ يَشَاءُ ج وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَلَ لِلنَّاسِ ط  
وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣٥﴾

Maksudnya :

“Allah cahaya langit dan bumi. Perumpamaan cahaya-Nya adalah seperti sebuah lubang yang tak tembus yang di dalamnya ada pelita besar. Pelita itu di dalam kaca, kaca itu bagaikan bintang seperti mutiara. Dinyalakan dengan minyak dari pohon yang diberkati iaitu pohon zaitun, (yang tumbuh)

<sup>14</sup> Muhammad Qurish Shihab (2005), *Op. Cit.*, j. 1, h. viii

<sup>15</sup> *Ibid*

*tidak di sebelah timur dan tidak pula di sebelah barat. Hampir-hampir saja minyaknya menerangi, walaupun ia tidak disentuh api. Cahayanya di atas cahaya. Allah membimbing kepada cahaya-Nya siapa yang Dia kehendaki, dan Allah membuat perumpamaan-perumpamaan bagi manusia, dan Allah maha mengetahui segala sesuatu”.*

Dalam ayat ini terdapat kata *al-Miṣbāḥ* yang diertikan oleh M.Q. Shihab sebagai pelita. Beliau mengumpamakan hidayah Allah s.w.t seperti pelita (*al-Miṣbāḥ*) yang berada di dalam kaca menerangi hati para hamba yang beriman kepada-Nya. Sedangkan kata “*Pesan*” bermaksud al-Qur’an adalah pesan (wahyu) daripada Allah s.w.t sebagai petunjuk kepada manusia. Sementara kata “*Kesan*” bermakna bahawa *Tafsīr al-Miṣbāḥ* merupakan nukilan daripada pendapat para mufassir, sama ada mufassir terdahulu mahupun mufassir kontemporari. Manakala kata “*Keserasian*” memberikan pengertian bahawa ayat dan surah dalam al-Qur’an saling mempunyai keterkaitan<sup>16</sup>.

Menurut pengakuan M.Q. Shihab, matlamat penulisan *Tafsīr al-Miṣbāḥ* ialah untuk menjawab keritikan orang yang menyatakan adanya kekeliruan sistematika penulisan al-Qur’an. Padahal dalam sistematika penulisan al-Qur’an tersebut terdapat keistimewaan tersendiri yang dikenal dengan ilmu *munāsabah*<sup>17</sup>. Selain itu, M.Q. Shihab berharap dapat mendedahkan maksud al-Qur’an dan menyampaikan pesan-pesannya sesuai dengan keperluan dan tidak mengecewakan harapan orang yang berminat untuk mempelajarinya<sup>18</sup>.

#### **2.4 Metodologi Penulisan *Tafsīr al-Miṣbāḥ***

Berdasarkan kajian yang dilakukan kepada *Tafsīr al-Miṣbāḥ* didapati M.Q. Shihab mentafsirkan ayat menggunakan kaedah *Taḥlīlī* iaitu mentafsirkan ayat-ayat al-

---

<sup>16</sup> Lihat : Muhammad Najib Abdul Kadir, Mazlan Ibrahim (2008), *Op. Cit.*, h. 9

<sup>17</sup> *Ibid*

<sup>18</sup> Muhammad Quraish Shihab (2005), *Op. Cit.*, v. 1, bagian sekapur sirih

Qur'an dengan memaparkan berbagai aspek yang terkandung di dalam ayat serta menghuraikan makna-maknanya sesuai dengan keahlian dan kecenderungan mufassirnya<sup>19</sup>.

Penggunaan metode ini dalam mentafsirkan al-Qur'an biasanya mufassir mengemukakan makna yang terkandung di dalam ayat berdasarkan urutan ayat dan surah dalam *mushaf*. Melalui metode ini mufassir menghuraikan beberapa aspek berkenaan dengan ayat yang sedang ditafsirkan seperti *Sabab al-Nuzul*, pengertian kosa kata, konotasi kalimatnya, kaitannya dengan ayat lain sama ada dengan ayat yang sebelumnya mahupun dengan ayat berikutnya (*Munāsabah Bayn al-Āyah*) disamping mengemukakan pendapat mufassir yang telah lebih dahulu mentafsirkannya.

Kaedah *Tahlilī* inilah yang telah diaplikasikan oleh M.Q. Shihab dalam karyanya *Tafsīr al-Mishbāh*, berbeza dengan karya beliau sebelumnya yang berjudul *Membumikan al-Qur'an*. Kaedah yang beliau gunakan dalam buku ini ialah kaedah *Mawḍū'ī*<sup>20</sup> sebagaimana telah di kaji oleh Abdul Haris dalam Disertasi Sarjananya pada tahun 2006<sup>21</sup>.

Berkenaan dengan metodologi pentafsiran M.Q. Shihab dalam *Tafsīr al-Mishbāh*, penulis akan menghuraikannya pada perbincangan selanjutnya secara ringkas meliputi penamaan surah, pentafsiran al-Qur'an dengan al-Qur'an, pentafsiran al-Qur'an dengan Hadith, pentafsiran al-Qur'an dengan pendapat sahabat, pentafsiran

<sup>19</sup> 'Abd al-Ḥayy al-Farmāwī (1977), *al-Bidāyah Fī Tafsīr al-Mawḍū'ī : Dirāsah Manhajīyah Mawḍū'īyah*, Kaherah : al-Haḍārah al-'Arabīyah, c. 2, h. 24

<sup>20</sup> Kata *mawḍū'ī* diterjemahkan kepada bahasa Melayu bermakna "topik", "tema" dan "tajuk". Sedangkan yang dimaksud dengan kaedah *mawḍū'ī* ialah mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an berdasarkan kepada tema atau tajuk yang telah dipilih. Semua ayat yang berkaitan dengan satu persoalan dikumpulkan kemudian dianalisis secara mendalam dari berbagai aspek seperti *sabab al-nuzul*, kosa kata, nāsikh mansūkh, istinbat hukum dan lain sebagainya. Lihat : Nashruddin Baidan (2002), *Metode Pentafsiran al-Qur'an*, Yogyakarta : Pustaka Pelajar, c. 1, h. 72

<sup>21</sup> Lihat : Abdul Haris (2006), *Metodologi M. Quraish Shihab Dalam Mentafsirkan al-Qur'an : Kajian Terhadap Buku Membumikan al-Qur'an*, Thesis Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 88

al-Qur'an dengan akal, penjelasan makna mufradat dan munasabah. Beberapa metode tersebut seperti berikut :

#### 2.4.1 Penamaan Surah

Sebelum mentafsirkan ayat al-Qur'an pada setiap surah dalam *Tafsir al-Mishbāh*, pengarang terlebih dahulu memberikan penjelasan terhadap surah yang akan ditafsirkan. Berkenaan dengan penamaannya, masa turunnya dan jumlah ayatnya. Sebagai contoh dapat dikesan daripada pernyataan beliau ketika menghuraikan *Sūrah al-Fātiḥah*. M.Q. Shihab menyatakan bahawa *Surah al-Fātiḥāh* memiliki banyak nama di antaranya yang masyhur ialah *Fātiḥah al-Kitāb*, *Umm al-Qur'ān* dan *al-Sab'u al-Mathānī*. Kemudian beliau membawakan Hadith Nabi s.a.w. sebagai penyokong.

Penamaannya dengan *Fātiḥah al-Kitāb* :

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- قَالَ : لَا  
صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ.<sup>22</sup>

Terjemahan : “Daripada ‘Ubādah bin Ṣāmit bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda : *Tidak ada (tidak sah) solat bagi yang tidak membaca Fātiḥah al-Kitāb*”.

Surah ini dinamai *al-Fātiḥah* menurut M.Q. Shihab kerana terletak pada awal al-Qur'an. Masih menurut beliau, biasanya yang pertama memasuki sesuatu adalah yang membukanya, kerana itu makna *al-Fātiḥah* disini ialah awal al-Qur'an dalam erti kata awal dari segi susunan dalam *muṣḥaf* bukan dari segi penurunannya<sup>23</sup>. Penamaan dan alasan yang dikemukakan oleh M.Q. Shihab ini sebenarnya telah

<sup>22</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī (1400 H), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Adhān, Bāb Wujūb al-Qirā’ah Li al-Imām Wa al-Ma’mūm, no. 756, Kaherah : al-Maṭba’ah al-Salafiyyah, c. 1, j.1, h. 247. Hadith sahih diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim.

<sup>23</sup> Muhammad Quraish Shihab (2005), *Op. Cit.*, c. 5, v. 1, h. 3



dijelaskan terlebih dahulu oleh Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī dalam tafsirnya<sup>24</sup>.

Tetapi dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* tidak dinyatakan oleh M.Q. Shihab kalau penamaan tersebut telah dikemukakan oleh ulama sebelumnya.

Penamaannya dengan *Al-Sab'u al-Mathānī* :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أُمُّ الْقُرْآنِ هِيَ السَّبْعُ  
الْمَثَانِي ، وَالْقُرْآنُ الْعَظِيمُ.<sup>25</sup>

Terjemahan : Daripada Abū Hurayrah r.a. berkata : Rasulullah s.a.w. bersabda : *Umm al-Qur'ān ialah al-Sab'u al-Mathānī dan al-Qur'an yang agung.*

*Sūrah al-Fātiḥah* diberi nama *al-Sab'u al-Mathānī* kerana bilangan ayatnya sebanyak tujuh ayat dan kerana ia dibaca berulang-ulang pada setiap rakaat dalam solat sama ada salat wajib mahupun solat sunat<sup>26</sup>.

Penamaannya dengan *Umm al-Qur'ān* :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ صَلَّى صَلَاةً لَمْ يَقْرَأْ فِيهَا  
بِأُمِّ الْقُرْآنِ فَهِيَ خِدَاجٌ فَهِيَ خِدَاجٌ غَيْرُ تَمَامٍ.<sup>27</sup>

Terjemahan : *Siapa yang solat tanpa membaca Umm al-Qur'ān maka solatnya Khidāj (kurang atau tidak sah) tidak sempurna*".

Penamaan *Sūrah al-Fātiḥah* dengan *Umm al-Qur'ān* menurut M.Q. Shihab disebabkan kandungan ayat-ayatnya mencakup kandungan tema-tema pokok semua

<sup>24</sup> Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1997), *Tafsīr al-Ṭabarī*, Taḥqīq : Ṣalah 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, Damshiq : Dār al-Qalam, c. 1, j. 1, h. 55

<sup>25</sup> Imam al-Bukhārī (1400 H), *Op. Cit.*, Kitāb Tafsīr al-Qur'ān, Bāb Qawluh Wa laqad Ātaynāka Sab'an Min al-Mathānī, no. 4335. Hadith sahih diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī.

<sup>26</sup> Muḥammad Quraish Shihab (2005), *Op. Cit.*, c. 5, j. 1, h. 4. Lihat juga : Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1997), *Op. Cit.*, h. 56

<sup>27</sup> Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushyri al-Naysābūrī (1991), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Wujūb Qirā'ah al-Fātiḥah Fī Kulli Rak'ah, no. 395, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 1, c. 1, h. 297. Hadith sahih diriwayatkan oleh Imam Muslim.

ayat al-Qur'an<sup>28</sup>. Wahbah al-Zuhaylī menyatakan dinamakan *Umm al-Qur'ān* kerana *Sūrah al-Fātiḥah* menghimpun semua ilmu-ilmu al-Qur'an dan maksud-maksud asasnya<sup>29</sup>.

Nama-nama *Sūrah al-Fātiḥah* yang dikemukakan oleh M.Q. Shihab di atas adalah nama-nama yang telah dirumuskan oleh ulama terdahulu berdasarkan Hadith-Hadith Nabi s.a.w.. Dengan kata lain, beliau mengemukakan beberapa nama *Sūrah al-Fātiḥah* dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* mengulang kembali apa yang telah dikemukakan oleh mufassir sebelumnya. Penulis mendapati, jauh sebelum muncul *Tafsir al-Mishbāḥ* nama-nama tersebut di atas telah dikemukakan oleh Abū Ḥayyān (w. 745 H) dalam tafsirnya *al-Baḥr al-Muḥīṭ*<sup>30</sup>, Ibn Kathīr (w. 774 H) dalam *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*<sup>31</sup>, al-Suyūṭī (w. 911 H) dalam tafsir *al-Durr al-Manthūr*<sup>32</sup> dan ramai lagi.

#### 2.4.2 Munāsabah

M.Q. Shihab mengistilahkan *munāsabah* ialah keserasian al-Qur'an. Mengemukakan *munāsabah* (hubung kait) antara satu ayat dengan ayat atau antara surah dengan surah yang lain salah satu ciri khas M.Q. Shihab mentafsirkan al-Qur'an dalam *Tafsir al-Mishbāḥ*. Antara contohnya adalah firman Allah s.w.t. dalam *Sūrah al-Nisā'* ayat yang ke-18 :

---

<sup>28</sup> Muhammad Quraish Shihab (2005), *Op. Cit.*, c. 5, v. 1, h. 4. Pernyataan lain yang sama dengan pendapat Quraish Shihab di atas menjelaskan bahawa ada tiga alasan kenapa *Sūrah al-Fātiḥah* dinamai *Umm al-Qur'ān*, 1. Kerana susunan al-Qur'an dimulai dengan *Sūrah al-Fātiḥah*. 2. Di dalam solat ayat yang pertama kali di baca ialah *Sūrah al-Fātiḥah*. 3. Semua makna al-Qur'an terkandung dalam *Sūrah al-Fātiḥah*. Baca : Badr al-Dīn Abū Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-'Aynī (2001), *'Umdah al-Qāri' Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, c. 1, j. 18, h. 103

<sup>29</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1991), *al-Tafsīr al-Munīr*, Beirut : Dār al-Fikr, c. 1, j. 1, h. 54

<sup>30</sup> Abū Ḥayyān Muḥammad bin Yūsuf al-Andalūsī (1993), *al-Baḥr al-Muḥīṭ*, Tahqiq : 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, c. 1, j. 1, h. 126

<sup>31</sup> Abū al-Fidā' 'Imād al-Dīn Ismā'īl bin Kathīr (2000), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, Tahqiq : Muṣṭafā al-Sayyid Maḥmūd, Jīzah : Mu'assasah Qurṭubah, j. 1, h. 151

<sup>32</sup> Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (2003), *al-Durr al-Manthūr*, Kaherah : Markaz al-Buḥūth, c. 1, j. 1, h. 8

وَلَيْسَتِ التَّوْبَةُ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ السَّيِّئَاتِ حَتَّىٰ إِذَا حَضَرَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ إِنِّي تُبْتُ  
الآنَ وَلَا الَّذِينَ يَمُوتُونَ وَهُمْ كُفَّارٌ أُولَٰئِكَ أَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا (١٨).

Maksudnya :“Dan tidaklah taubat itu untuk orang-orang yang mengerjakan kejahatan-kejahatan (yang) hingga apabila datang kepada seseorang di antara mereka itu kematian, (barulah) ia mengatakan “sesungguhnya aku bertaubat sekarang”. Dan tidak (pula bagi) orang-orang yang mati sedang mereka di dalam kekafiran. Itulah orang-orang yang telah kami sediakan siksa yang pedih”.

Munasabah ayat ini dengan ayat yang ke-17 sebelumnya menurut M.Q. Shihab ialah berkenaan dengan penerimaan taubat di sisi Allah s.w.t. dan batas akhir waktu diterimanya. Tafsiran beliau berikut ini :

*“Setelah menjelaskan tentang taubat yang diterima dan batas akhir waktu diterimanya taubat, maka melalui ayat ini dijelaskan batas akhir waktu penolakan taubat serta dampak dari penolakan tersebut”<sup>33</sup>.*

Sekalipun mengemukakan munasabah ciri khas utama pentafsiran M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh*, bukan bermakna beliaulah mufassir yang pertama kali menemukan ilmu munasabah dalam al-Qur’an. Badr al-Dīn al-Zarkashī (w. 794 H) dalam *al-Burhān Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Ibrāhīm bin ‘Umar al-Biqā’ī (w. 885 H) dalam karyanya *Nazm al-Durar Fī Tanāsub al-Āyah Wa al-Suwar* dan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (w. 911 H) dalam karyanya *al-Itqān* di antara ulama terdahulu yang telah mengemukakan perbahasan tentang ilmu munāsabah.

Menurut penulis, ketokohan M.Q. Shihab dalam bidang munāsabah terpengaruh dengan pemikiran Ibrāhīm bin ‘Umar al-Biqā’ī (w. 885 H) pengarang kitab *Nazm al-Durar Fī Tanāsub al-Āyāt Wa al-Suwar* yang menjadi bahan kajian beliau pada perogram Doktor Falsafah di Universiti al-Azhar, Kaherah, Mesir. M.Q.

<sup>33</sup> Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 377

Shihab menyatakan, mufassir yang paling berjaya mengemukakan munāsabah antara ayat-ayat al-Qur'an ialah Ibrāhīm bin 'Umar al-Biqā'ī.<sup>34</sup>

### 2.4.3 Makna Mufradat

Di antara contoh yang dapat dikemukakan ialah penjelasan pengarang tentang makna huruf *Bā'* yang di baca pada "*Bismillāh*" ayat pertama pada *Sūrah al-Fātiḥah*.

Dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* M.Q. Shihab menjelaskan :

*"Huruf Bā' pada "Bismillāh" yang diterjemahkan dengan kata "dengan" mengandungi satu kalimat yang tidak terucapkan tetapi mesti terlintas dalam hati setiap orang yang membacanya, iaitu kata "memulai". Sehingga Bismillāh berarti "Saya mulai pekerjaan ini dengan nama Allah". Dalam konteks Sūrah al-Fātiḥah "Saya mulai membaca al-Qur'an dengan nama Allah"*<sup>35</sup>.

Selain daripada kata "memulai", makna yang tersirat pada *Bismillāh* sebagaimana dikemukakan dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* ialah "Kekuasaan". Pembaca *Bismillāh* seakan-akan menyatakan "Dengan kekuasaan Allah dan pertolongannya pekerjaan yang saya lakukan ini dapat terlaksana". Setiap pekerjaan semestinya dilakukan dengan kesadaran bahawa tanpa kekuasaan dan pertolongan Allah s.w.t. tidak akan berjaya<sup>36</sup>.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, terdapat banyak kata dijelaskan oleh M.Q. Shihab secara khusus dalam *Tafsir al-Mishbāḥ*. Makna kalimat tersebut dijelaskan secara lebih luas bertujuan untuk mendapatkan pemahaman yang mantap daripada sesebuah ayat. Selain itu, dengan adanya huraian makna kalimat tertentu yang digunakan dalam ayat dapat diketahui bahawa kata tersebutlah yang paling tepat pemakaiannya bukan kata muradifnya. Seperti pemakaian kata "*ja'ala*" bukan

---

<sup>34</sup> *Ibid.*, j. 1, bahagian pengantar

<sup>35</sup> Muhammad Quraish Shihab (2005), *Op. Cit.*, c. 5, j. 1, h. 12

<sup>36</sup> *Ibid*

dengan kata “*khalaqa*” pada *Sūrah al-Baqarah* ayat ke-22 telah dijelaskan oleh M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh*<sup>37</sup>.

Di antara ulama yang telah mengemukakan perbahasan khusus makna mufradat dalam tafsirnya sebelum M.Q. Shihab ialah ‘Alī al-Ṣābūnī dalam kitabnya *Ṣafwah al-Tafāsīr* dan Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī dalam *Tafsīr al-Marāghī*. Dengan demikian, metode pentafsiran al-Qur’an dengan menjelaskan makna mufradat juga bukan pertama kali dilakukan oleh M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh*.

Seterusnya, interpretasi makna kalimat yang dikemukakan oleh M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh* bukanlah semata-mata hasil daripada pemahaman beliau sendiri. Sebahagian makna tersebut telah dijelaskan oleh mufassir sebelumnya. Sebagai contoh berkenaan dengan makna “*Ulūl al-Albāb*”. M.Q. Shihab menjelaskan makna “*Ulūl al-Albāb*” ialah orang-orang yang memiliki akal murni (*Dhū al-‘Uqūl al-Salīmah*)<sup>38</sup>. Pengertian ini telah dikemukakan oleh mufassir sebelum beliau di antaranya ‘Alī bin Muḥammad bin Ibrāhīm al-Khāzin (w. 741 H) dalam *Tafsīr al-Khāzin*<sup>39</sup>.

#### 2.4.4 Pentafsiran al-Qur’an Dengan al-Qur’an

Asas pentafsiran al-Qur’an yang paling utama ialah mentafsirkan al-Qur’an dengan al-Qur’an iaitu maksud sesebuah ayat dalam al-Qur’an ditafsirkan oleh ayat yang lain<sup>40</sup>. Jika ayat al-Qur’an tidak ditemukan maka hendaklah mencari Hadith Nabi s.a.w. sebagai asas dalam pentafsiran<sup>41</sup>. M.Q. Shihab tidak luput daripada

---

<sup>37</sup> *Ibid.*, h. 122

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 394

<sup>39</sup> Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ibrāhīm bin ‘Umar (t.t), *Tafsīr al-Khāzin*, Mesir : Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalibī, j. 2, h. 341

<sup>40</sup> ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismā’īl bin ‘Umar bin Kathīr al-Dimashqī (2004), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, Riyād : Dār al-Salām Li al-Nashr Wa al-Tawzī’, c. 6, j. 1, h. 7

<sup>41</sup> *Ibid.* Lihat juga : Taqiy al-Dīn bin Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm (1971), *Muqaddimah Fī Uṣūl al-Tafsīr*, Tahqiq : ‘Adnān Narzūr, Kuwait : Dār al-Qur’ān al-Karīm, c. 1, h. 93

penggunaan cara ini dalam *Tafsir al-Mishbāh*. Sebagai contoh firman Allah s.w.t.

dalam *Sūrah al-Fātiḥah* ayat yang ke-7 :

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

Maksudnya : “(yaitu) Jalan orang yang telah engkau anugerahi nikmat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) yang sesat”.

Ayat di atas ditafsirkan oleh M.Q. Shihab dengan *Sūrah al-Nisā’* ayat ke-69. Tafsiran

beliau berikut ini :

“Mereka yang taat melaksanakan pesan-pesan Ilahi yang merupakan nikmat Allah yang terbesar itu, mereka itulah yang masuk dan menelusuri *al-Ṣirāṭ al-Mustaqīm*. Sebagaimana hal ini secara tegas dinyatakan dalam *al-Qur’an Sūrah al-Nisā’* ayat ke-69<sup>42</sup> :

وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَٰئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ  
وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ وَحَسُنَ أُولَٰئِكَ رَفِيقًا ﴿٦٩﴾

Maksudnya : “Dan barang siapa mentaati Allah dan Rasul (Nya), mereka itu akan bersama-sama dengan orang-orang yang dianugerahi nikmat oleh Allah, yaitu para nabi, para *ṣiddīqīn*, para *shuhadā’* dan orang-orang saleh. Dan mereka itulah teman yang sebaik-baiknya”.

Dalam *Tafsir al-Mishbāh* terdapat banyak ayat dibawakan oleh M.Q. Shihab dalam mentafsirkan *al-Qur’an*. Namun demikian, ayat-ayat tersebut tidak semuanya dijadikan secara langsung sebagai penjelas dan penguat terhadap ayat malah kebanyakan dijadikan sebagai penguat pernyataan. Ini terbukti dengan kajian yang telah dilakukan kepada *Sūrah al-Baqarah*. Pada surah ini didapati sebanyak 19

<sup>42</sup> Muhammad Quraish Shihab (2005), *Op. Cit.*, c. 4, j. 5, h. 70

ayat<sup>43</sup> dijadikan secara langsung sebagai penjelas terhadap ayat dan sebanyak 50 ayat<sup>44</sup> sebagai dalil terhadap pernyataan.

#### 2.4.5 Pentafsiran al-Qur'an Dengan Hadith

Asas kedua yang dijadikan oleh M.Q. Shihab bagi menjelaskan maksud al-Qur'an dalam *Tafsir al-Mishbāh* ialah *al-Hadīth al-Nabawī*. Hadith-Hadith ini digunakan untuk menjelaskan dan menguatkan makna ayat atau dijadikan sebagai penguat pernyataan. Sebagai contoh pada *Sūrah al-Nisā'* ayat 1 berikut ini :

يَأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا  
وَبَثَّ مِنْهَا رَجُلًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ ۖ وَالْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ  
اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

Maksudnya :

*“Wahai sekalian manusia, bertaqwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu, dan menciptakan darinya pasangannya; Allah memperkembangbiakkan daripadanya laki-laki yang banyak dan perempuan. Dan bertakwalah kepada Allah Yng dengan nama-Nya kamu saling meminta hubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah maha mengawasi kamu”.*

Ketika mentafsirkan ayat di atas M.Q. Shihab menyatakan bahawa Allah mengancam orang yang memutuskan silaturrahim dan menjanjikan keberkahan dan usia yang panjang bagi sesiapa yang mengamalkannya dan mengemukakan satu teks Hadith sebagai penyokong<sup>45</sup>.

<sup>43</sup> *Ibid.*, h. 89. 96. 101. 109. 114. 154. 158. 193. 194. 202. 208. 222. 236. 282. 317. 324. 419. 468. 537

<sup>44</sup> *Ibid.*, h. 109. 111. 114. 121. 124. 134. 136. 153. 164. 165. 170. 187. 188. 189. 196. 197. 209. 240. 246. 253. 309. 317. 329. 371. 383. 390. 406. 408. 411. 417. 428. 429. 437. 442. 446. 470. 474. 484. 487. 499. 541. 545. 551. 579. 580. 596. 599. 611. 612. 614

<sup>45</sup> Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 2, , h. 335

عَنْ أَنَسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُبْسَطَ عَلَيْهِ فِي رِزْقِهِ  
وَيُنْسَأَ فِي أَثَرِهِ فَلْيَصِلْ رَحْمَةً.<sup>46</sup>

Terjemahan : Daripada Ānas r.a. ia berkata : Rasulullah s.a.w. bersabda :  
*Siapa yang senang diperluas rezekinya dan diperpanjang usianya, maka  
hendaklah ia menyambung hubungan rahim / kekeluargaan.*

Sebagaimana penggunaan ayat di atas, M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh* juga menggunakan Hadith terkadang berfungsi sebagai penjelas dan penguat terhadap ayat dan terkadang pula sebagai penguat hujjah yang dikemukakan. Pada *Sūrah al-Baqarah* yang menjadi objektif dalam kajian ini terdapat sebanyak 52 Hadith dikemukakan oleh pengarang. Lima belas Hadith<sup>47</sup> digunakan untuk mentafsirkan ayat dan 37 Hadith<sup>48</sup> menguatkan pernyataan. Ini juga menunjukkan penggunaan Hadith sebagai penguat pernyataan lebih banyak berbanding dengan penggunaannya sebagai penjelas terhadap ayat.

Dari segi metode penulisan, Hadith-Hadith dalam *Tafsir al-Mishbāh* menurut penulis secara umum masih belum dapat dipertanggungjawabkan secara ilmiah kerana kebanyakan Hadith-Hadith tersebut dikemukakan oleh pengarang dengan terjemahan sahaja serta hukum dan sumbernya tidak dinyatakan dengan jelas. Bahkan pada sebahagian keadaan M.Q. Shihab menyatakan Hadith secara isyarat dengan menyatakan dalam sebuah Hadith Rasulullah s.a.w. bersabda tanpa menyatakan matan apatah lagi sanad dan mukharrijnya.

---

<sup>46</sup> Imām al-Bukhārī (1400 H), *Op. Cit.*, Kitāb al-Adab, Bāb Man Busiṭa Lahū Fī al-Rizq Bi Ṣilah al-Raḥim, no. 5985

<sup>47</sup> Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 174. 300. 365. 370. 409. 426. 426. 478. 497. 509. 520. 544. 599. 616. 618

<sup>48</sup> *Ibid.*, h. 101. 133. 196. 219. 234. 244. 249. 301. 326. 339. 352. 464. 466. 469. 470. 491. 520. 550. 563. 563. 563. 577. 584. 589. 591. 591. 592. 603. 603. 604. 604. 604. 611. 615. 618. 618. 622



#### 2.4.6 Pentafsiran al-Qur'an Dengan Pendapat Sahabat

Mentafsirkan al-Qur'an dengan pendapat sahabat dapat dilihat daripada pentafsiran pengarang ketika mendefinisikan kata “(أميون)” dalam *Sūrah al-Baqarah* ayat 78.

Semasa menjelaskan kata tersebut M.Q. Shihab mengemukakan pendapat Ibn ‘Abbās (w. 68 H) r.a.. Pernyataan beliau :

*“Dalam sebuah riwayat dikemukakan bahawa sahabat Nabi saw., Ibn ‘Abbas menafsirkan kata ummiyyūn dalam arti tidak mengetahui pesan-pesan kitab suci, walau boleh jadi mereka menghafalnya. Mereka hanya berangan-angan, atau amānī dalam istilah ayat di atas, yang ditafsirkan oleh Ibn ‘Abbas dengan “sekedar membacanya”<sup>49</sup>.*

Ibn Kathīr (w. 774 H) menyatakan bahawa jika ayat al-Qur'an dan Hadith tidak ditemukan untuk mentafsirkan ayat maka yang diutamakan adalah pendapat mufassir dari kalangan sahabat kerana mereka lebih mengetahui rahasia al-Qur'an berbanding dengan generasi selepas mereka. Namun begitu, pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* hanya satu pendapat sahabat dikemukakan oleh M.Q. Shihab. Manakala pendapat mufassir selain sahabat terdapat sebanyak enam mufassir iaitu Abū Ḥayyān (w. 745 H), Muḥammad ‘Abduh, Mutawallī al-Sha’rāwī (w.1999 M), al-Zamakhsharī (w. 538 H), Ṭāhir Ibn ‘Ashūr (w. 1973 M), Ibrāhīm bin ‘Umar al-Biqā’ī (w. 885 H) dan Sayyid Quṭub (w. 1966 M) dengan mengulang beberapa kali pendapat mereka.

#### 2.4.7 Pentafsiran al-Qur'an Dengan Akal

M.Q. Shihab menjadikan al-Qur'an dan Hadith Nabi s.a.w sebagai asas dalam mentafsirkan al-Qur'an sebagaimana yang telah dijelaskan terdahulu. Namun begitu, petafsiran beliau secara rasional terlihat lebih menonjol berbanding dengan

---

<sup>49</sup> *Ibid.*, j. 1, h. 240

pentafsiran al-Qur'an dengan al-Qur'an ataupun pentafsiran al-Qur'an dengan Hadith. Sebagai contoh :

Ketika mentafsirkan (المص) *Alif Lām Mīm Šād* ayat pertama *Sūrah al-A'rāf*

beliau menyatakan :

*“Pendapat yang menyatakan bahawa Hanya Allah Yang Mengetahui Maksudnya yang dikemukakan oleh ulama-ulama abad pertama masih dapat dipertahankan. Tetapi pendapat yang memahami huruf-huruf yang menjadi pembuka surah-surah al-Qur'an itu sebagai tantangan kepada yang meragukan al-Qur'an, amat wajar menjadi penjelasan yang tepat. Seakan-akan tantangan tersebut berbunyi : Redaksi kitab suci ini terdiri dari huruf-huruf semacam huruf-huruf tersebut (Fawātih al-Suwar), yang kamu semua juga mengetahuinya. Karena itu cobalah buat bacaan serupa al-Qur'an dengan menggunakan huruf-huruf serupa. Kamu pasti tidak akan mampu, baik dari segi redaksi (teks) mahupun kandungannya”<sup>50</sup>.*

Berdasarkan kajian yang dilakukan kepada *Tafsir al-Mishbāh* didapati pentafsiran al-Qur'an secara rasional (*Bi al-Ra'y*) lebih luas berbanding dengan pentafsiran al-Qur'an dengan al-Qur'an atau pentafsiran al-Qur'an dengan Hadith (*Bi al-Riwāyah*). Sekalipun banyak ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith-Hadith Nabi s.a.w. dibawakan oleh pengarang tidak menggambarkan tafsir tersebut dalam kategori *Bi al-Ma'thūr*. Ini kerana kebanyakan ayat dan Hadith yang dibawakan bukan secara langsung menjelaskan ayat tetapi sebagai penguat kepada pernyataan.

Di samping itu, mengemukakan pendapat mufassir dari kalangan sahabat dan tabi'in atau mufassir yang tafsirnya dalam kategori *Bi al-Ma'thūr* amat sedikit berbanding dengan mufassir yang menyusun kitab tafsir dalam janis *Bi al-Ra'y*. Oleh itu, penulis berkesimpulan bahawa *Tafsir al-Mishbāh* lebih dekat kepada jenis tafsir *Bi al-Ra'y* bukan tafsir *Bi al-Ma'thūr* atau *Bi al-Riwāyah*.

---

<sup>50</sup> *Ibid*, c. 4, j. 5, h. 6

## 2.5 Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan, dari aspek metodologi berdasarkan sumber pentafsiran *Tafsir al-Mishbāḥ* lebih dekat kepada kategori *Tafsir Bi al-Ra'y*. Ayat al-Qur'an dan Hadith Nabi s.a.w. yang dimuat dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* kebanyakan dijadikan oleh pengarang sebagai penguat pernyataan beliau bukan sebagai penjelas dan penguat terhadap ayat yang sedang ditafsirkan. Selain itu, pengarang jarang sekali merujuk secara langsung kepada kitab-kitab utama dalam jenis tafsir *Bi al-Ma'thūr* seperti *Tafsir Ibn Jarīr al-Ṭabarī*, *Tafsir Ibn Kathīr* dan tafsir *al-Durr al-Manthūr*. Sebaliknya, pengarang banyak merujuk kepada kitab-kitab tafsir *Bi al-Ra'y* seperti *Tafsīr al-Mizān*, *Nazm al-Durar*, *Fī Zilāl al-Qur'ān* dan *al-Kashshāf*.

Dari aspek persembahan, M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* menggunakan pendekatan *al-Taḥlīlī*. Beliau mentafsirkan al-Qur'an menurut susunan mushaf bermula daripada *Sūrah al-Fātiḥah* dan diakhiri dengan *Sūrah a-Nās*. Beliau juga mengemukakan *Asbāb al-Nuzūl* jika ada dan menghuraikan pengertian sebahagian kata (*al-Mufradāt*) dalam ayat secara luas dan mendalam. Selain itu, pengarang mengemukakan munasabah antara ayat dengan ayat atau surah dengan surah. Kemudian mentafsirkan ayat secara sepotong berdasarkan kelompok ayat yang sedang ditafsirkan.

Seterusnya, mengemukakan munasabah ayat al-Qur'an adalah salah satu ciri khas utama pentafsiran M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāḥ*. Hampir pada setiap ayat beliau mengemukakan munasabah. Namun begitu, M.Q. Shihab bukanlah mufassir yang pertama kali memperkenalkan ilmu munāsabah dalam al-Qur'an. Jauh sebelum beliau ilmu ini telah diperkenalkan oleh ulama terdahulu seperti al-Zarkashī (w. 794 H), Ibrāhīm bin 'Umar al-Biqā'ī (w. 885 H) dan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (w. 911 H) dan Mannā' Khalīl al-Qaṭṭan.

Penulis mendapati, ketokohan M.Q. Shihab dalam ilmu munāsabah terpengaruh dengan pemikiran Ibrāhīm bin ‘Umar al-Biqā’ī pengarang kitab *Nazm al-Durar Fī Tanāsub al-Āyāt Wa al-Suwar* yang menjadi bahan kajian beliau pada perogram Doktor Falsafah di Universiti al-Azhar, Kaherah, Mesir. Menurut pengakuan M.Q. Shihab sendiri, mufassir yang paling berhasil mengemukakan munāsabah ayat-ayat al-Qur’an ialah Ibrāhīm bin ‘Umar al-Biqā’ī (w. 885 H).

Pada hemat penulis, persembahan pentafsiran M.Q. Shihab dalam *Tafsīr al-Mishbāḥ* hampir sama dengan pendekatan Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī dalam *Tafsīr al-Marāghī*. Ini kerana apa yang telah dilakukan oleh M.Q. Shihab dalam *Tafsīr al-Mishbāḥ* seperti mentafsirkan ayat secara kelompok, mengemukakan munasabah, menjelaskan makna mufradat dan menyebutkan *Asbāb al-Nuzūl*, ditemukan dalam *Tafsīr al-Marāghī* sebelumnya.

Seterusnya, prinsip M.Q. Shihab yang menjadikan Hadith sebagai sumber rujukan selepas al-Qur’an yang menyokong hujjah-hujjah pentafsiran beliau menjadi salah satu keistimewaan beliau dalam *Tafsīr al-Mishbāḥ*. Walaupun banyak Hadith-Hadith diutarakan disertai dengan sanad dan mukharrijnya, namun terdapat juga sebahagian Hadith dinyatakan tanpa sanad dan mukharrij. Bahkan dalam keadaan tertentu beliau mengemukakan Hadith secara isyarat dengan menyatakan dalam sebuah Hadith Rasulullah s.a.w. bersabda tanpa mengemukakan matan. Penulisan Hadith seperti ini tentu akan mengakibatkan kesukaran bagi para pembaca untuk merujuk Hadith-Hadith tersebut kepada sumber aslinya.